

Ulasan Buku/*Book Review*

Tersesat: Kebatilan Gerakan New Age. Oleh: Ahmad Iqram Mohamad Noor. 2023.

Penerbit: NHA Publications. 2023.

Diulas oleh

LUQMAN MAHMUD*

Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah,
Malaysia

Buku bertajuk *Tersesat: Kebatilan Gerakan New Age* dikarang oleh Ahmad Iqram Mohamad Noor merupakan sebuah karya yang wajar dibaca oleh masyarakat Muslim, khususnya mereka yang berminat dengan bidang perniagaan, motivasi, pembangunan diri dan bantuan sendiri. Hal ini kerana penulis membongkar bagaimana usaha meningkatkan potensi diri yang kelihatan positif dan bermanfaat. Namun, usaha ini kadang kala boleh menjadi pintu masuk kepada fahaman-fahaman halus yang akhirnya menjejaskan akidah tanpa disedari. Buku ini juga perlu diberi perhatian oleh mereka yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber manusia dan latihan di agensi kerajaan atau institusi swasta. Ini kerana, mereka merupakan pihak yang membuat keputusan terhadap kursus motivasi yang akan dihadiri oleh para kakitangan. Pihak pengurusan sewajarnya menyemak dengan teliti isi kandungan kursus motivasi yang ditawarkan oleh pihak luar agar tidak menghantar pekerja ke program yang mengandungi silibus meragukan serta bertentangan dengan asas akidah. Begitu juga, para usahawan dan peniaga perlu membaca buku ini supaya tidak terpengaruh dengan elemen *New Age Movement* (NAM) dalam membangunkan perniagaan, meningkatkan keuntungan, dan membentuk jaringan sosial.

Buku ini dimulakan dengan mengingatkan pembaca bahawa Islam adalah agama yang sempurna dan mencukupi segala keperluan keberagamaan umatnya. Tidak ada ruang untuk menokok tambah ajaran luar yang akhirnya merosakkan akidah.

*Corresponding author: Luqman Mahmud, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia, email: luqman.mahmud@uum.edu.my

Diserahkan: 17 Disember 2024

Diterima: 18 September 2025

DOI: <https://doi.org/10.17576/JH-2026-1801-09>

Bab 1 hingga Bab 3 menceritakan asal-usul kewujudan NAM yang sudah bermula sejak zaman dahulu sebelum meresap masuk dalam kehidupan moden umat Islam melalui pelbagai platform. Walaupun penulis menggunakan istilah falsafah yang agak asing seperti *Theosophical Society*, *Panteisme*, *Panentisme*, *Neoplatonisme* dan *Hermetisisme*, penjelasan beliau masih boleh difahami dengan pembacaan berulang. Hal ini penting kerana persoalan akidah sememangnya sesuatu yang berat dan memerlukan penelitian mendalam.

Bab 4 memberi fokus kepada kepercayaan dan NAM. Penulis mengupas isu *Law of Attraction* dan *Affirmation* yang sering muncul dalam kursus motivasi, bengkel pembangunan diri, malah juga di media sosial melalui platform seperti *Facebook*, *YouTube* dan *Instagram*. Ramai penceramah atau pakar motivasi menyelitkan doktrin ini untuk menekankan pemikiran positif, menolak perkara negatif, dan berpegang bahawa segala kejayaan atau hajat boleh dicapai melalui kekuatan minda. Penulis juga menjelaskan tentang konsep aura, chakra, zodiak dan numerologi yang turut menjadi sebahagian daripada kepercayaan NAM.

Selain itu, penulis menegaskan tentang kecelaruan *Neuro Linguistic Programming* (NLP), yang semakin mendapat perhatian dalam masyarakat Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. NLP, menurut beliau, banyak bersandarkan kepada pseudo-saintifik dan psikologi palsu. Perkara ini wajar diberi perhatian kerana NLP digunakan secara meluas dalam kursus motivasi, latihan korporat, malah ada yang menyandarkannya kepada ayat-ayat agama secara tidak tepat. Buku ini turut memperkenalkan beberapa tokoh bantuan sendiri seperti Napoleon Hill, Deepak Chopra, Tony Robbins dan Rhonda Byrne. Penulis menekankan bahawa walaupun buku-buku tokoh ini amat popular dalam kalangan komuniti motivasi, termasuk di Malaysia, banyak kandungan mereka sebenarnya bertentangan dengan ajaran Islam. Malah, pengaruh ini terus mengalir ke dalam masyarakat melalui penceramah motivasi tempatan yang mengambil idea mereka tanpa disaring.

Satu aspek penting dalam buku ini ialah perbincangan tentang agama seperti *Scientology* dan *Aum Shinrikyo* serta kritikan terhadap proses Islamisasi NAM. Penulis menegaskan bahawa fahaman ini menyimpang daripada akidah Islam, misalnya *Law of Attraction* yang menolak konsep Qada' dan Qadar dengan mendakwa manusia sendiri menentukan takdir, rezeki, manfaat dan mudarat. Ajaran ini juga mendakwa kebaikan dan keburukan yang menimpa seseorang adalah hasil fikirannya sendiri, sedangkan Islam menegaskan bahawa segalanya berlaku dengan izin dan kehendak Allah SWT. Penulis juga menghuraikan amalan seperti menilik nasib, meditasi, reiki dan ameraga sukma (*astra projection*) yang semuanya membawa kepada pluralisme agama, fahaman cinta tanpa batas dan positiviti toksik yang menghancurkan konsep *Bara'* dalam agama.

Walaupun begitu, buku ini juga mempunyai beberapa kekurangan. Gaya penulisan yang agak akademik dengan istilah falsafah Barat menjadikannya agak berat untuk pembaca umum. Bagi golongan awam, mereka mungkin memerlukan penjelasan yang lebih ringkas, dengan contoh tempatan yang lebih nyata. Walaupun penulis menyebut beberapa tokoh motivasi antarabangsa, pendedahan tentang tokoh atau organisasi tempatan yang terlibat masih terhad. Begitu juga, buku ini lebih banyak menekankan bahaya gerakan NAM tetapi kurang memberikan panduan praktikal atau kerangka tindakan yang jelas untuk pengurus sumber manusia, pendidik dan masyarakat awam dalam mengurus fenomena ini.

Dari sudut isu semasa, pengaruh NAM semakin berkembang dalam bentuk digital dan aplikasi kesejahteraan psikologi. Sebagai contoh, aplikasi seperti *eHATI* yang dibangunkan untuk membantu kesejahteraan keluarga atau pasangan suami dan isteri sememangnya dilihat bermanfaat. Namun, modul-modulnya menyerap elemen *affirmation* atau *self-healing* dengan konsep energi dalaman yang kabur boleh membuka ruang kepada fahaman NAM yang bercanggah dengan Islam sehingga mereka berani melakukan perkara yang tidak bermoral. Begitu juga, trend *toxic positivity* dan budaya *manifestation* yang semakin meluas di *TikTok*, *Instagram* dan *YouTube* menunjukkan bahawa doktrin *Law of Attraction* sedang berakar dalam budaya popular, terutama dalam kalangan anak muda. Selain itu, dunia korporat di Malaysia juga masih menjemput penceramah yang menggunakan NLP atau konsep bercampur *NAM* dalam modul latihan mereka. Jika tidak disaring dengan teliti, para pekerja Muslim boleh terdedah kepada fahaman yang merosakkan akidah secara halus.

Kesimpulannya, buku ini merupakan bacaan berat tetapi sangat penting untuk masyarakat Islam masa kini. Ia berfungsi sebagai amaran, panduan dan detektor awal agar umat Islam tidak terjerumus dalam fahaman NAM yang semakin halus penyerapannya melalui kursus motivasi, muzik, filem, aplikasi digital dan budaya popular. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dari sudut penyampaian dan contoh semasa, buku ini tetap memberi sumbangan besar dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap bahaya yang boleh menghakis akidah. Dengan memahami hujah dan pendedahan yang diberikan oleh penulis, umat Islam boleh lebih berhati-hati dan memastikan usaha pembangunan diri serta kesejahteraan hidup tetap berlandaskan ajaran Islam yang sebenar.